



## **TEKS UCAPAN**

**YBRS. TUAN ADI FAIZAL BIN AHMAD TARMIZI** A.M.S., P.P.T.  
**TIMBALAN YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI**  
**MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN MEI PERINGKAT MPS 2023**

**31 MEI 2023 | RABU**

**9.00 PAGI | LOBI MENARA MPS**

Terima kasih pengacara majlis.

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera, Salam Selayangku

Sayang dan Salam Malaysia MADANI.

**Yang Berbahagia Dato' Mohd Yazid bin Sairi**

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormatkan Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj Wan**

**Mahmood bin Pa' Wan Teh**

Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

**Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri**

Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,**

Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan, Pegawai-pegawai, tuan-tuan, puan-puan  
warga MPS yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, segala puji milik Allah SWT. Selawat dan Salam ke atas Junjungan Tinggi Nabi Muhammad SAW. Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita diberi ruang dan kesempatan untuk bersama-sama dalam Majlis Perhimpunan Bulan Mei 2023 Peringkat Majlis Perbandaran Selayang pada hari ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urus setia majlis pada pagi ini, sesungguhnya penganjuran majlis ini membuktikan komitmen dan semangat kerjasama yang tinggi antara warga MPS.
3. Alhamdulillah, bulan Syawal telah melabuhkan tirainya. Setelah sebulan kita meraikan Syawal, jadi perkara pertama saya ingin ingatkan kepada semua adalah supaya kita *gear up* diri masing-masing untuk melaksanakan kerja-kerja yang telah kita rancang pada tahun 2023.
4. Hari ini juga merupakan hari terakhir bulan Mei dan esok kita akan memasuki pertengahan tahun 2023. Tempoh ini adalah titik masa yang penting dalam takwim di setiap Jabatan di MPS. Kerana apa? Kerana ianya mengingatkan kita bahawa setengah tahun daripada tahun 2023 telah berlalu dan kita perlu memfokuskan kepada perancangan kerja yang telah kita sasarkan namun belum dilaksanakan.

5. Jadi, setiap jabatan pastikan apa yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan segera dan jangan tunggu saat-saat akhir di hujung tahun. Pastikan juga segala perancangan yang tertangguh dapat dilaksanakan dengan segera supaya tidak berlaku “*backlog*” yang seterusnya akan memberikan kesan kepada Jabatan dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan.
6. Dalam melaksanakan tugasan sehari-hari kita juga, suka saya ingatkan agar kita semua untuk pastikan kita mematuhi garis panduan dan juga peraturan yang telah ditetapkan.
7. Ini kerana sebagai penjawat awam, amat penting untuk kita memupuk nilai integriti dan juga tatakelola yang baik dalam diri kita bagi menjaga nilai-nilai ketulusan dalam setiap urusan kerajaan yang dilaksanakan.”

### **TERIMA KASIH KEPADA KAKITANGAN MPS**

8. Seterusnya, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan MPS yang telah bertungkus lumus sepanjang bulan Syawal dalam menjayakan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia Madani sempena Jelajah #KitaSelangor Daerah Gombak pada 14 Mei 2023 dan Majlis Mesra Aidilfitri Warga Kerja MPS 2023 pada 19 Mei 2023.

9. Alhamdulillah, walaupun skala penganjuran Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia Madani ini adalah besar dan melibatkan kehadiran YAB Perdana Menteri Malaysia, YB-YB Menteri, orang-orang kenamaan dan lebih 30,000 pengunjung, kita berjaya memastikan program ini dapat berjalan dengan lancar. Walaupun banyak cabaran yang dihadapi sepanjang persediaan program tersebut, sikap positif dan “Can Do-Attitude” yang ditunjukkan oleh semua amat membanggakan saya.

10. Selain untuk Majlis Mesra Aidilfitri Warga Kerja MPS, walaupun di saat akhir keadaan sedikit terganggu dengan cuaca yang buruk, kemeriahannya tetap dicapai dengan kehadiran semua kakitangan bersama ahli keluarga masing-masing. Kehadiran YAB Dato’ Menteri Besar Selangor bersama Setiusaha Kerajaan Negeri Selangor dan pemimpin tertinggi juga menunjukkan penghargaan dan ingatan pihak pengurusan tertinggi negeri Selangor kepada Majlis Perbandaran Selayang.

11. Tidak juga dilupakan, ucapan terima kasih kepada Kelab Sukan dan Kebajikan MPS yang bertindak sebagai urusetia bersama dan juga pihak ANULAE Cawangan MPS atas kerjasama dan sumbangan yang diberikan sepanjang pelaksanaan program tersebut.

## **TAHNIAH KEPADA PENERIMA-PENERIMA PINGAT DARJAH**

12. Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada 6 orang penerima Pingat-Pingat Negeri Selangor Darul Ehsan Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Ke-77 Sultan Selangor pada 23 Mei yang lalu iaitu:

- i. Puan Zalina binti Ahmad, Jabatan Teknologi Maklumat
- ii. Puan Rozita binti Haron, Jabatan Kejuruteraan
- iii. Encik Wan Salahuddin bin Wan Yaakub, Jabatan Pembangunan Masyarakat
- iv. Encik Syed Mohamad Nor Putera bin Said Abdul Talib, Jabatan Bangunan
- v. Encik Sofee bin Sain, Pejabat Yang Dipertua
- vi. Encik Zukifli bin Maharuddin, Jabatan Landskap

13. Penerimaan pingat darjah ini merupakan pengiktirafan dan sebagai bukti kejayaan dalam melangkah maju dalam karier kerja masing-masing. Pencapaian yang membanggakan ini boleh menjadi contoh kepada rakan-rakan kerja yang lain. Tahniah saya ucapkan.

Yang Dihormatkan Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

## **TAHNIAH ANULAE TERIMA BANTUAN PHEKS 2023**

14. Untuk makluman, Majlis Penyerahan Bantuan Program Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (PHEKS) 2023 peringkat Semenanjung Malaysia telah diadakan pada 19 Mei 2023 yang lalu. Program ini merupakan satu bentuk bantuan kewangan yang dibayar secara *one-off* kepada kesatuan sekerja yang berdaftar.
15. Sebanyak lima (5) kategori geran telah ditawarkan kepada kesatuan sekerja pada tahun ini iaitu Mesyuarat Agung Pertama (Assembly Start-Up), Latihan dan Pendidikan, Penubuhan Koperasi, Pembangunan Modul e-Learning dan Kajian dan penulisan Pergerakan Kesatuan Sekerja di Malaysia.
16. Tahniah diucapkan kepada ANULAE Cawangan MPS yang telah menerima geran sebanyak RM10,000 bagi kategori program latihan dan pendidikan. Semoga geran ini dapat digunakan dengan sebaik-baiknya dan dapat memberikan manfaat kepada seluruh warga MPS.

## **PEMBUKAAN STADIUM MPS**

17. Seperti semua sedia maklum, Stadium MPS telah pun menjalani kerja-kerja naiktaraf, pemasangan e-billboard dan trek balapan. Naiktaraf ini adalah penting bagi memastikan Stadium MPS dapat memberikan perkhidmatan dan fasiliti stadium dalam keadaan yang terbaik.
18. Tahniah kepada semua jabatan yang terlibat dalam memastikan projek naiktaraf ini berjaya dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Stadium MPS ini seterusnya akan dibuka semula kepada masyarakat bermula 10 Jun 2023 dan diharapkan ianya akan memberi manfaat kepada masyarakat dan terus menjadi mercu tanda perbandaran Selayang.

Yang Dihormatkan Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

## **PENJAGAAN KESIHATAN KAKITANGAN**

19. Sabda Nabi SAW yang bermaksud “*Mintalah kepada Allah kesihatan dan kesejahteraan kerana sesungguhnya tidak ada perkara yang lebih baik dari kesihatan selepas keyakinan (iman).*” (Hadis Riwayat Ibnu Majah).

20. Hadis ini menggariskan pentingnya menjaga kekuatan dan kesihatan tubuh. Memandangkan kita sekarang di kala musim panas, pastikan anda semua menjaga kesihatan diri masing-masing. Pastikan minum air kosong dan tidur secukupnya pada waktu malam agar kita mendapat kesegaran dan kekuatan untuk diri kita.

21. Dengan menjaga kesihatan, insyaAllah kita dapat lebih efektif dalam beribadah dan melaksanakan tugas-tugas seharian kita. Saya doakan agar kita semua dilindungi daripada segala penyakit dan sentiasa dalam keadaan sihat walafiat.

Sekian, wabillahi Taufik wal hidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.